

# REFORMASI MINDA GURU

595

L

**Zulfadzli Haron**



DR. MAHATHIR MOHAMAD

# Inilah Tajmahalku



PUSTAKA PERDANA



1011199



# **PENGHARGAAN**

Buku ini tidak mungkin diterbitkan tanpa insan-insan teristimewa yang mewarnai perjuanganku.

Terimakasih tidak terhingga kepada

ayahanda dan bonda

Hj. Haron Hj Sudin, Hjh Wan Azizah Bt Wan Jaafar

putera puteriku

Muhammad Hilman, Fathin Hilda , ArieV Adzim

teristimewa isteriku yang tercinta

Zuraidah Jamari

serta semua insan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam proses pembangunan insan di bumi ini.

Hakcipta terpelihara.


Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kebentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman atau sebagainya tanpa izin pemilik hakcipta terlebih dahulu.

ISBN 978-983-43417-0-1

Penerbit ; Zulfadzli Haron

Tahun terbitan : 2008


**Berhambakan  
tangan  
Bersaksikan mata  
Berhakimkan hati**



# Kandungan

prakata	>> 6
salam bicara	>> 15
hukum alam	>> 16
kriteria seorang guru	>> 27
proses belajar	>> 36
proses pendidikan formal	>> 40
pembangunan insan	>> 44
falsafah pendidikan negara	>> 48
revolusi mental	>> 58
perpaduan nasional	>> 64
platfom masa depan negara	> 68
fenomena warga guru	>> 82
dilema sekolah kebangsaan	>> 106
membina generasi globalisasi	>> 138
langkah menuju guru unggul	> 141
penutup	>> 191

**jadilah kamu orang  
yang memelihara ilmu  
dan janganlah kamu  
jadi orang yang hanya  
meriwayatkan ilmu**



## Prakata

Syukur kehadiran Tuhan yang Maha Esa atas kehendakNya mengurniakan diri ini kekuatan jiwa dalaman dan luaran sebagai antara insan terpilih yang bergelar pendidik bernama guru. Diiringi pula sebuah anugerah berupa hati yang memudahkan menggalas amanah walau dihimpit pelbagai cabaran, seterusnya melengkapkan aku dengan kepekaan tanggungjawab untuk bersuara melalui buku ringkas ini yang menghimpunkan pelbagai pengalaman.

Bersyukur atas kurniaannya kepadaku, semenjak hari pertama ditauliahkan sebagai guru, dalam masa yang singkat pelbagai selok belok perjawatan dan tanggungjawab yang digalas kebahumat mengesankan diminda lantas skop tugas seorang guru dilihat dan dipikul sebagai suatu profesyen yang amat mencabar dan masa 24 jam sehari terlalu cepat berlalu. Bulan berganti bulan dan tahun berganti tahun namun bersyukur kehadratNya kerana menebalkan perjuangan atas muka bumi ini.

Keseronokan yang terpaksa dicipta sendiri untuk menyesuaikan diri dengan tanggungjawab yang amat berat akhirnya bertukar menjadi nikmat apabila strategi serampang dua mata, mendidik dan menyelidik menghasilkan penemuan ibarat mata air yang tidak henti putus mengalir. Tidak dapat dinafikan, anugerah ini hasil pengabdian dan kesungguhan hati ini memegang erat prinsip hidup yang muktamad.

Aku juga dilimpahkan dengan kemurahan memperoleh idea untuk memudahkan tugas dan meringankan tanggungjawab. Niat, doa dan harapan agar dipermudahkan urusan mendidik para pelajar dimakbulkan oleh Yang Maha Esa dengan terhasilnya ciptaan alat bantuan mengajar yang amat praktikal, bersesuaian, amat menarik minat dan berjaya mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran.

Kejayaan tersebut mendorongku bertindak mencipta dan membangunkan pelbagai lagi kaedah pengajaran-pembelajaran secara aktif kerana pegangan prinsip terhadap amanah dan tanggungjawab. Dalam tempoh yang didefinisikan oleh guru-guru veteran sebagai "cap jari belum kering", aku berkongsi pengalaman dengan guru-guru yang berminat dan bermulalah episod pengembaraan sebagai pendidik yang mencurahkan idea dan berkongsi ilmu bersama guru-guru yang menghadiri kursus di waktu cuti.

Pengalaman tersebut dipergunakan dengan sebaik-baiknya untuk mempertingkatkan prestasi diri dari segi inter-personal, keterampilan, pengucapan umum, komunikasi dan keyakinan diri. Cabaran utama ialah berusaha mengubah persepsi mereka untuk bersedia menerima ilmu daripada mereka yang lebih muda dan melupakan seketika lebihan garam yang telah mereka makan terlebih dahulu.

Pengalaman unik sebagai seorang guru muda yang berkesempatan mencurahkan ilmu kepada ribuan guru-guru

berpengalaman, pelajar-pelajar, pensyarah dan Dekan pelbagai Institusi Pengajian Tinggi memberi suatu dimensi baru dalam menggalas kerjaya sebagai seorang guru. Disinilah bermulanya diri ini berjinak dengan falsafah dan memperbanyakkan bahan bacaan berlandaskan kepada keperluan untuk terus menambah ilmu pengetahuan jika ingin terus berjaya.

Rasa terharu kerana perjalananku terasa amat dipermudahkan oleh Tuhan. Apabila usaha murni tersebut diiktiraf oleh pelbagai pihak, ianya telah memberikan suatu pengalaman yang amat berguna dan menjadi titik tolak kepada hasrat membuat kajian dan penyelidikan buku ini. Sikap iri hati segelintir pihak yang terbabit menyebabkan diri ini berfikir kewujudan fenomena ini dalam bidang pendidikan. Tuhan tidak menghampakan permintaan hati ini.

Berkat dari kejayaan di situ, aku telah dipindahkan ke Kementerian Pelajaran yang boleh dianggap sebagai pelengkap pengetahuan terhadap proses aliran memahami struktur dan dasar pendidikan di negara ini.

Anugerah Tuhan yang mengizinkan aku berpeluang berkhidmat secara formal disetiap bahagian-bahagian yang menunjangi proses penting sistem pendidikan di negara ini dalam jangkamasa yang singkat, mencetuskan persoalan apakah hikmah sebaliknya dan mula melihat tanggungjawab sebagai seorang pendidik dalam konteks yang amat berbeza.

Seterusnya aku meletakkan jawatan di Kementerian Pelajaran untuk melengkapkan pengembaraan hidup mendekati dunia pendidikan dari kacamata ibubapa dan masyarakat pula. Aku mengendalikan kursus keibubapaan untuk mendampingi erat dan mendapat maklumat telus dan ikhlas daripada mereka. Banyak pengalaman cerita pahit manis dan suka duka ibubapa yang dikongsi secara hati-ke-hati berhubung kewibawaan guru-guru yang dipertanggungjawabkan mendidik anak-anak mereka.

Pelbagai lagi kursus motivasi yang dianjurkan melibatkan pelajar-pelajar sekolah membolehkanku mengenalpasti golongan pelajar yang dapat memberikan input secara terbuka tanpa berselindung. Ribuan pelajar yang ditemui benar-benar meluahkan 1001 kisah yang berbeza malahan wujud sesebuah keadaan realistik yang sinonim antara satu sama lain walau mereka berada di sekolah yang berbeza.

Seterusnya aku mengkaji masalah sosial remaja dari jauh kerana tidak mempunyai kuasa. Aku bertambah yakin dan bersemangat kerana mengetahui aku hampir menjumpai punca. Maka aku memohon dan diterima mengajar disebuah sekolah swasta terkemuka di ibu negara.

Kesempatan ini membolehkanku membuat perbandingan antara dua kumpulan manusia yang menjalankan tugas yang hampir sama tetapi mendapat layanan yang berbeza. Hasilnya, mendatangkan impak yang terus memberi kekuatan kepadaku untuk terus berusaha mengembara mencari jawapan kepada

persoalan yang jelas tetapi kabur penyelesaiannya.

Sesungguhnya pengembaraanku selama 15 tahun mencari suatu jawapan mutlak kepada persoalan umum berhubung halatuju dunia pendidikan, benar-benar dibantu oleh kekuatan dalaman yang diizinkan oleh Tuhan. Aku melengkapkan kajian dengan bergiat aktif mengendalikan kursus motivasi kepada guru-guru sekolah.

Ketika aku menjawat tugas sebagai seorang guru, aku sering berceramah tentang subjek teknikal iaitu rekacipta, kini sebagai seorang perunding motivasi swasta, aku mendapat peluang yang akhirnya bisa untuk melengkapkan penyelidikan tersebut berdasarkan pengalaman realistik dan diterjemahkan kedalam buku ini.

Buku ini pasti tidak akan ditulis jika aku sengaja membutakan mata serta mengkudungkan tangan dan pasti tidak akan diterbitkan jika aku bersekongkol dengan sebuah hati yang hidup dalam 'zon selesa'; tatkala aku yakin telah menemui punca tunjang kepada kemelut dunia pendidikan yang bergerak ibarat dalam sebuah bulatan yang tidak pasti mana pangkal dan mana hujungnya.

Buku ini bukannya merupakan sebuah retorik yang ditulis semberono tanpa bukti. Buku ini ditulis hasil kajian pemerhatian berdasarkan kapasitiku sebagai bekas guru pelatih, bekas guru terlatih sekolah kerajaan, bekas guru terlatih sekolah swasta, kakitangan sumber Jabatan Pendidikan, Pegawai Kurikulum

Kementerian Pendidikan, seorang bapa kepada anak yang bersekolah, aktivis masyarakat yang mendengar pendapat dan luahan perasaan ibubapa dan masyarakat umum.

Perbincangan tidak rasmi juga dibuat dengan bekas-bekas guru sekolah yang bersara, penjawat jawatan utama pelbagai bidang disektor korporat, penjawat jawatan awam di luar sektor pendidikan, ahli politik serta beberapa golongan professional luar negara yang terlibat dengan sektor pendidikan di negara mereka sendiri.

Koleksi kajian juga tidak seimbang jika dipinggirkan pandangan masyarakat luar bandar yang rata-ratanya terdiri daripada mereka yang tidak mendapat pendidikan persekolahan lengkap dan telah meniti usia dengan menggunakan kudrat membanting tulang untuk menyara persekolahan anak mereka. Pendapat daripada luahan hati peneroka, pesawah, pemandu lori, buruh dari pelbagai golongan bangsa juga dijadikan sandaran kerana mereka juga mempunyai peristiwa tersendiri yang perlu diambil kira.

Melengkapkan lagi senarai responden ialah luahan pendapat para pelajar sendiri terdiri daripada mereka yang belajar di sekolah rendah dan menengah, samada Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan, sekolah berasrama penuh, dan sekolah swasta. Bukan sahaja pelajar yang cemerlang malahan mencakupi pelajar-pelajar yang dikategorikan sebagai pelajar bermasalah. Aku dapat mengumpulkan pendapat mereka

melalui aktiviti sebagai penceramah motivasi yang diundang oleh sekolah-sekolah untuk mengendalikan kursus.

Sebagai sisipan perasaan, aku amat berterimakasih kepada pelajar-pelajar sekolah terutamanya pelajar yang dikategorikan sebagai bermasalah kerana daripada perkongsian perasaan dengan mereka, terlalu banyak pengalaman yang dipelajari berhubung falsafah hidup yang bukan sahaja tidak dapat diperolehi daripada mana-mana bahan bacaan malahan kadangkala menimbulkan keraguan terhadap teori yang ditulis oleh pakar-pakar bidang berkaitan umumnya penulis Barat.

Terkini, jawatanku sebagai Pengarah Latihan syarikat swasta dan kapasiti sebagai penceramah motivasi kepada guru-guru sekolah membolehkan aku mengesahkan kajian pemerhatian berdasarkan kepada kuantiti responden yang mencecah angka ribuan orang. Tambahan sebagai seorang penceramah motivasi bebas yang tidak terikat dengan kerajaan, guru-guru yang menjadi peserta tersebut dilihat lebih bebas untuk menyuarakan perasaan mereka yang terpendam berbanding sewaktu aku menjadi penceramah ketika menjawat jawatan sebagai kakitangan kerajaan.

Harapanku, pembaca sekalian tidak meremehkan usaha ini, karya ini yang sebenarnya menghimpunkan pengalaman sebenar dari tahun 1989 sehingga ke hari ini. Pengalaman kita berbeza maka aku tidak menulis mengenai pandangan dan pengalamanku sebagai bekas pelajar sekolah tetapi mempelbagaikan aspek kajian melalui pemerhatian, perbincangan, perdebatan, forum,

ceramah, kursus, perbincangan, mesyuarat, pengalaman dan soal selidik bersama-sama mereka yang telah diperincikan di atas.

Semoga usaha kecil ini membawa suatu dimensi baru kepada semua warga pendidikan dan menimbulkan azam, semangat dan jatidiri yang baru untuk memikul tanggungjawab mengangkat kembali maruah perguruan agar ianya benar-benar menjadi satu wadah perjuangan untuk memastikan kecemerlangan negara di masa hadapan diisi oleh anak didik kita pada hari ini.

Buku ini adalah pengorbanan kecilku untuk sahabat-sahabat guru yang tercinta. Tidak langsung terlintas niat untuk memperkecilkan sesiapa kerana nyata ianya tidak menguntungkan mana-mana pihak malahan kesannya boleh menyebabkan jiwa merana sepanjang hayat.

Seandainya terkhilaf kita melakukan kesilapan semasa mendidik, kemudian kita menyedarinya dan terus membuat perubahan, maka anda merupakan insan terbaik yang dicipta oleh Tuhan.

Anda adalah anugerah kepada alam yang tidak ternilai. Manfaatkanlah perkara yang ikhlas dari bingkisan ini dan berilah teguran secara ikhlas kepadaku seandainya terdapat perkara yang tidak disedari di mana-mana bahagian dalam buku ini yang tidak membawa sebarang erti pada dunia pendidikan.

Semoga hati anda dipermudahkan untuk memahami bahasa yang adakalanya menimbulkan salah anggap dan sesungguhnya aku juga tidak lepas dari khilaf seorang manusia.

-Pengarang-

## Salam bicara

Buku ini bermula dengan ringkasan berhubung Hukum Alam. Tidak terniat langsung disanubari ini untuk mengajar guru-guru berhubung Hukum Alam kerana tidak dapat dinafikan pengetahuan mereka yang arif tentang hal ini.


Walau bagaimanapun, tajuk ini tidak dapat dielakkan untuk diberi pengiktirafan sebagai pintu utama yang perlu dibuka untuk memasuki gedung ilmu seterusnya.

Semoga pintu ini dibuka dengan penuh layanan saksama dan teliti walaupun kita telah mahir dengan cara membukanya. Mungkin pada hari ini, pintu ini agak berbeza dengan semalam.

Semoga hati kita tetap konsisten untuk sentiasa berhati-hati dan teliti walaupun kita telah terlalu mahir apabila berhadapan dengan rutin kehidupan.

Semoga diizinkan Tuhan.

# Hukum Alam



Hukum Alam tidak pernah salah sejak diturunkan manusia yang pertama ke dunia ini hinggalah ke hari ini. Di antara hukumnya yang terpenting ialah kenyataan bahawa setiap insan amat berkait rapat dan saling bergantung antara satu sama lain. Tidak ada perbezaan di antara mereka dari segi hak untuk mengecap kehidupan di dunia ini. Tidak ada yang kaya atau miskin tetapi yang ada hanyalah toleransi dan pengorbanan.

Biodiversiti ini memerlukan toleransi manusia untuk ditadbir. Hubungan manusia dengan manusia adalah elemen penting dalam memastikan bagaimana mereka meneruskan hidup di alam ini. Setiap manusia tersebut pula mempunyai pancaindera yang sama bentuknya tetapi berbeza daripada sudut seperti saiz yang dapat dibandingkan secara zahir dengan mata kasar.

Bukanlah kuasa manusia untuk menentukan bagaimana mereka hendak dizahirkan tetapi semuanya telah ditentukan oleh Tuhan. Manusia hanya dapat menerima apa yang diberikan oleh Tuhan kepada mereka. Ada juga yang dijadikan tanpa pancaindera yang lengkap. Rahsia Tuhan.

Agak mudah untuk memahami dan menginsafi serta bersyukur dengan kurniaan pancaindera yang diberikan kepada kita untuk mencari ruang dalam kehidupan di muka bumi ini. Kita mudah juga memujuk hati menerima rupa bentuk yang dizahirkan apabila kita membandingkan dengan mereka yang tidak dikurniakan dengan pancaindera yang lengkap.

Kepelbagaian saiz membolehkan masing-masing menggunakan kelebihan mereka bagi melaksanakan sesuatu tugas. Saiz tidak dapat dinafikan secara tidak langsung menentukan kekuatan atau kelemahan seseorang manusia. Disebabkan perbezaan pada saiz tersebut maka kelompok manusia yang dijadikan paling awal untuk hidup di muka bumi ini semenjak dahulukala lagi telah memilih untuk melakukan pekerjaan yang bersesuaian berdasarkan kepada kemampuan mereka. Maka terbentuklah kerja-kerja yang mampu dilaksanakan oleh golongan lelaki dan kerja-kerja yang mampu dilaksanakan oleh golongan perempuan.

Tatkala lelaki pada zaman tersebut memiliki saiz dan kekuatan yang lebih daripada perempuan maka kerja-kerja yang memerlukan kekuatan fizikal diserahkan kepada golongan lelaki seperti berburu, menebang pokok untuk mencari kayu api dan menghalau binatang buas.

Golongan perempuan pula menyumbang tenaga mereka yang lebih lembut ke arah tugas-tugas ringan seperti memasak, mengemas dan sebagainya.

Bertitik tolak daripada pengklasifikasian tersebut sehinggalah pada masa kini, manusia mewarisi status quo yang diacu selama beribu tahun lamanya. Seandainya pada waktu tersebut golongan perempuan bertindak untuk memburu dan lelaki pula memasak, kemungkinan corak tersebut diwarisi hingga ke hari ini adalah juga amat besar. Hanya Tuhan yang Maha Mengetahui. Tetapi ianya tidak terjadi kerana secara bijaksana Tuhan menjadikan

perbezaan antara setiap manusia atas mukabumi ini untuk tujuan yang tertentu.

Selain pancaindera, manusia juga dibekalkan dengan akal dan nafsu. Akal dan nafsu juga berbeza antara seorang manusia dengan manusia yang lain tetapi sukar untuk dikenalpasti perbezaan mereka kerana ianya tidak memiliki zahir yang dapat dilihat dengan mata kasar. Akal dan nafsu dalam diri setiap manusia akan mendorong kepada berlakunya perbuatan, sikap dan tingkahlaku diri mereka bergantung kepada cara bagaimana akal dan nafsu dikawal.

Selain daripada faktor di atas yang membezakan antara seorang manusia dengan manusia yang lain, satu lagi fakta yang agak menarik untuk dibincangkan ialah perbezaan takdir, satu ciptaan Tuhan yang amat istimewa dan tidak kesampaian oleh kebijaksanaan manusia untuk menghuraikannya secara terperinci.

Gabungan elemen-elemen yang dimiliki oleh setiap manusia secara saksama tetapi berbeza daripada segi keupayaan seperti dihuraikan di atas perlu dikupas secara teliti dan matang untuk mengelakkan salah faham terhadap fahaman agama yang dianuti oleh pembaca yang berbeza jika ada. Oleh itu perbincangan adalah berbentuk umum sahaja bagi mengelakkan kontroversi.

Perbincangan daripada sudut hubungan antara manusia dengan manusia ini akan melihat hubungan di antara faktor-faktor

perbezaan yang disebutkan tadi iaitu pancaindera, akal, nafsu dan takdir. Belum ada saintis atau ahli falsafah di dunia ini yang berjaya menghuraikan fenomena kejadian tersebut secara terperinci kerana fikiran manusia tidak akan mencapai tingkat rahsia Tuhan seperti firman Tuhan:

**“Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui”**

**(Surah Al-Baqarah: Ayat 30)**

Sebagai manusia kecil yang akur dan sujud kepada kebesaran Tuhan, kita perlu bersyukur kerana dikurniakan akal agar dapat kita berfikir. Tetapi akal kita juga mempunyai had dan keupayaan tertentu dan tidak berkuasa untuk melebihi garisan yang ditetapkan. Maka tidak perlulah kita berbicara tentang faktor-faktor tersebut secara mendalam tetapi cukup sekadar mencedok secukup rasa buat rangsangan minda pembaca mengikut keperluan yang berkaitan dengan perjuangan guru.

Apakah perbezaan antara seorang manusia dengan manusia yang lain? Jawabnya terlalu banyak perbezaan kerana soalan ini terlalu umum. Kita boleh memecahkan soalan tersebut kepada beberapa elemen dan sub elemen serta yang berbentuk zahir mahupun batin. Diantaranya pula terdapat elemen-elemen lain seperti perbezaan jasmani, emosi, rohani, intelektual serta spiritual meliputi faktor yang boleh dibincangkan.

Umum telah sedia maklum tentang bagaimana setiap manusia

dilahirkan hasil percantuman antara lelaki dan perempuan. Setelah sembilan bulan dalam kandungan maka seorang manusia baru akan wujud bagi menambah bilangan populasi manusia dalam dunia yang telah mencecah bilion.

Bayi yang baru lahir tersebut memiliki anggota dan pancaindera yang telah ditentukan fizikalnya untuk mendapat bentuk yang khusus agar dapat diklasifikasikan sebagai manusia.

Ringkasnya, fakta tersebut boleh difahami melalui analogi antara tumbuhan dan manusia. Bagaimana tumbuhan hendak hidup jika manusia enggan mengeluarkan karbon dioksida. Bagaimana manusia hendak hidup jika tumbuhan enggan mengeluarkan oksigen? Ataupun hubungan sesama manusia contohnya peniaga dan pembeli.

Tapi mengapa manusia mudah lupa pada hukum alam dan apakah punca sebenar yang menjengkelkan tahap pemikiran manusia.

Apa yang membezakan seorang manusia dengan manusia yang lain hanyalah ciptaan manusia sendiri. Sikap tamak dalam diri melahirkan kekacauan berpunca daripada cemburu dan iri hati. Manusia berlumba-lumba merebut tempat di ruang yang semakin sempit. Manusia menjadi lupa betapa kehidupan sementara ini memerlukan persefahaman dan toleransi serta hidup bantu-membantu dengan penuh kasih sayang.

Cuba kita bayangkan seandainya para petugas yang mencari rezeki

dengan mengutip sampah dari rumah ke rumah bertindak mogok selama setahun. Mampukah kita hidup dengan sempurna apabila kita terpaksa menambah tugas harian kita dengan mengangkut sampah sarap harian ke satu destinasi yang busuk pada setiap hari. Setakat mana kesabaran kita bertahan untuk memikul tugas tersebut.

Bagaimana pula dengan petugas yang mencuci saluran najis dan lain-lain tugas yang dikelaskan manusia sebagai kelas bawahan? Tanpa mereka ini adakah kita mampu hidup dengan aman dan bahagia seperti yang dikecapi pada hari ini.

Alangkah perit kehidupan ini bagi mereka yang berkorban demi kebahagiaan orang lain. Tapi itu semua hukum alam yang tidak boleh dipersalahkan. Bukan sebagai satu alasan untuk menutup kelemahan tetapi sebagai satu agenda dan peringatan kepada golongan guru bahawa nilai wang dan kekayaan bukanlah objektif utama kehidupan ini.

Matlamat utama kehidupan kita ialah mencari kebahagiaan hidup. Kebahagiaan tidak boleh dicapai secara optimum sekiranya kita tidak memahami hukum alam yang sebenar. Kebahagiaan adalah milik semua tidak kira warna kulit atau darjat. Inilah wadah perjuangan seorang guru yang perlu menjadi pegangan selama mana mereka hidup untuk berjuang.

Guru-guru sewajarnya menjadi peneraju terhadap keseimbangan hak manusia yang termaktub dalam hukum alam. Pelbagai ragam

manusia di muka bumi ini dengan 1001 nasib yang berbeza adalah kejadian Tuhan semata-mata. Manusia mungkin akan dijadikan sama rata nasib mereka apabila mereka berada di syurga apabila tiada lagi insan yang merempat dan melarat malahan semuanya hidup dalam kemewahan mengikut apa yang terkandung dalam kitab-kitab suci.

Rahsia Tuhan mencipta manusia dan diturunkan ke muka bumi ini bukanlah satu ciptaan yang sia-sia tanpa tujuan. Makhluk yang bergelar manusia ini berbeza daripada ciptaan Tuhan yang lain kerana ia dikurniakan dengan akal dan nafsu untuk hidup zahir di alam nyata.

Tuhan menyatakan kemuliaan penciptaan manusia berbanding dengan makhluk ciptaanNya yang lain dalam firmanNya:

**“Sesungguhnya Kami telah ciptakan manusia itu dengan sebaik-baik kejadian”**

**(Surah At-Tin: Ayat 4)**

Sebagai makhluk yang zahir kehidupannya dan memiliki akal serta nafsu, manusia mendominasi muka bumi ini untuk memenuhi nafsu mereka untuk hidup. Nafsu yang tidak dikawal seringkali tunduk kepada godaan penyelewengan yang membawa kepada pengambilan hak manusia lain.

Anak didik kita perlu dididik dengan penuh makna dan keikhlasan yang datangny dari dalam hati kita. Mereka perlu dibentuk untuk

melihat dengan mata sendiri dan menyelamatkan keadaan, jika tidak untuk seluruh dunia tetapi untuk negara kita yang tercinta.

Tuhan menganugerahkan Malaysia dengan warna-warni masyarakat majmuk di tanah yang subur. Tanah ini akan terus subur jika anak-anak ini dibentuk dengan suatu nilai harmonis yang ditunjangi oleh guru-guru sendiri.

Namun apa yang terjadi pada hari ini sungguh mengharukan. Maruah guru diperkotak-katikkan dengan sewenang-wenangnya oleh masyarakat yang rata-ratanya pernah dididik oleh insan bernama guru. Tambah mengharukan keadaan apabila maruah tersebut direntap oleh warga guru sendiri yang tidak mampu menggunakan akal fikiran dan bertindak mengikut nafsu.

Dimanakah jatidiri guru-guru sebagai insan yang hebat dan dihormati pada suatu masa dahulu? Persoalan perbandingan ini seringkali dijawab dengan nada sumbang guru-guru masakini dan tekanan kehidupan menjadi teras dalam jawapan mereka.

Bandingan jawapan yang diberi oleh guru-guru terhadap persoalan tersebut membolehkan perbandingan individu dibuat untuk mengkategorikan jatidiri mereka samada seorang guru yang unggul ataupun hanya guru yang tunggal.

Sebagai seorang guru sejati, mereka akan terus tersenyum dengan pelbagai tohmahan yang dilemparkan sambil hatinya tersemat seribu satu kecintaan kepada tanggungjawab. Mereka akan terus


mendidik tanpa sebarang perasaan benci dan dendam di dalam hati dalam sebarang keadaan.

Melihat kepada keadaan masakini, benarkah terdapat guru-guru yang mampu tersenyum dan terus menggenggam amanah mereka walau dihentam kiri dan kanan berhubung masalah yang melanda?

Mungkin sebahagian besar guru-guru akan merasa sinis terhadap penulisan ini kerana mereka berpendapat permasalahan guru-guru di negara ini tidak ada penghujungnya. Benar sekali pendapat mereka kerana permasalahan perguruan dalam negara ini terlalu banyak diperbincangkan tetapi tidak menarik minat para guru untuk mencari penyelesaiannya.

Pihak Kementerian Pelajaran atau mana-mana badan sekalipun tidak akan mampu untuk menyelesaikan segala permasalahan yang diwarisi dari tahun ke tahun kerana punca sebenar tidak diungkai. Punca kepada segala permasalahan ini sebenarnya terlalu hampir malahan hadir dalam diri guru-guru namun tiada siapa yang berani menjadikannya sebagai ibu kepada segala punca.

Oleh itu, buku ini memikul tanggungjawab untuk mendedahkan ibu kepada segala punca tersebut memandangkan keyakinan saya terhadap kajian yang dilakukan malahan saya merasa berdosa untuk menyembunyikan persoalan sebenar dan atas dasar inilah maka buku ini ditulis semata-mata untuk memastikan setiap guru



Sinopsis

# REFORMASI MINDA GURU

Reformasi Minda Guru merupakan satu wadah perjuangan yang simbolik untuk menyelesaikan permasalahan dalam guru-guru pada hari ini. Ianya selaras dengan pelancaran Pelan Induk Pendidikan Nasional. Kejayaan PIPN banyak bergantung kepada golongan guru yang manggalas tugas membina anak didik yang bakal menerajui negara di masa hadapan.

Reformasi Minda Guru memberi tips yang berguna kepada guru-guru untuk menyintai profesyen yang diceburi dan langkah bagaimana untuk mengatasi kebosanan dan permasalahan kerja.

Buku ini ditulis berdasarkan pengalaman penulis yang pernah berkhidmat sebagai guru, pegawai kurikulum, penceramah motivasi pelajar dan guru-guru. Penulis kini aktif dalam memberi latihan kreativiti dan inovasi kepada pensyarah-pensyarah IPT seluruh negara.

Diharapkan juga buku ini bakal menjadi pencetus kepada guru-guru yang lain untuk memperkayakan hasil penulisan dan idea berasaskan pengalaman mengajar yang dilalui. Sesungguhnya hanya anak tempatan yang tahu permasalahan sebenar teknik pembelajaran anak didik kita dan adalah menjadi kewajipan kita untuk berkongsi ilmu dan pengalaman untuk kebaikan generasi akan datang.

**Zulfadzli Haron**

ISBN 978-983-43417-0-1



9 789834 341701



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA